



AKTA SYARIKAT 2016: ARAHAN AMALAN BIL. 5/2018

**SERAH SIMPAN PENYATA TAHUNAN DAN PERUBAHAN
ATAU PENGEMASKINIAN BUTIR-BUTIR SYARIKAT YANG
PERLU DISERAH SIMPAN DALAM PENYATA TAHUNAN**

Arahan Amalan ini dikeluarkan menurut seksyen 20C Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 dan seksyen 610 Akta Syarikat 2016.

TUJUAN

2. Arahan Amalan ini bertujuan untuk menjelas dan menyelaraskan serah simpan penyata tahunan dan serah simpan perubahan atau pengemaskinian butir-butir syarikat kepada Pendaftar.

LATAR BELAKANG

3. Suatu syarikat hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar suatu penyata tahunan untuk setiap tahun kalendar tidak lebih daripada tiga puluh hari dari ulang tahun tarikh pemerbadanannya atau tarikh pendaftarannya masing-masing

sepertimana diperuntukkan dalam subseksyen-subseksyen 68(1) dan 576(3) Akta Syarikat 2016. Syarikat hendaklah mengemukakan semua maklumat yang dinyatakan di bawah subseksyen 68(3) dan perlu mencerminkan semua maklumat pada tarikh ulang tahun.

4. Walau bagaimanapun, terdapat juga peruntukan-peruntukan spesifik dalam Akta Syarikat 2016 yang memerlukan pengemaskinian maklumat dalam jangka masa tertentu dari tarikh kejadian. Sebagai contoh, untuk mengemas kini perubahan dalam butir-butir pengarah, pengurus atau setiausaha dalam tempoh empat belas hari dari tarikh perubahan seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 58 Akta Syarikat 2016.

5. Oleh demikian, adalah dijangkakan bahawa terdapat situasi di mana suatu syarikat akan mempunyai tempoh masa yang bertindih untuk serah simpan penyata tahunan dan pengemaskinian maklumat.

SERAH SIMPAN PERUBAHAN ATAU PENGEMASKINIAN BUTIRAN SYARIKAT SEBELUM ATAU SELEPAS TARIKH ULANG TAHUN SYARIKAT

6. Bagi tujuan serah simpan perubahan atau pengemaskinian butiran syarikat sebelum atau selepas tarikh ulang tahun syarikat, keperluan-keperluan berikut hendaklah dipatuhi:

- (a) apa-apa perubahan atau pengemaskinian butiran berkaitan syarikat yang perlu diserahkan dengan

Pendaftar sebelum tarikh ulang tahun pemerbadanan syarikat, pengemaskinian tersebut hendaklah diserahkan simpan menggunakan borang-borang yang dinyatakan dalam Jadual A dan Jadual B kepada Arahan Amalan 1/2017 sebelum penyata tahunan diserahkan simpan;

- (b) apa-apa perubahan atau pengemaskinian butiran berkaitan syarikat yang dibuat selepas tarikh ulang tahun pemerbadanan syarikat, syarikat hendaklah menyerahkan simpan penyata tahunan sebelum menyerahkan simpan perubahan atau pengemaskinian tersebut.

7. Penyerahsimpanan penyata tahunan tidak membebaskan syarikat daripada kewajibannya untuk mengemas kini apa-apa perubahan sebagaimana yang dikehendaki di bawah peruntukan lain dalam Akta Syarikat 2016 melalui serah simpan borang-borang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual A atau B Arahan Amalan 1/2017.

8. Arahan Amalan ini menegaskan pentingnya untuk mengemas kini apa-apa perubahan yang berlaku sebelum tarikh ulang tahun dengan Pendaftar di bawah peruntukan masing-masing Akta Syarikat 2016 sebelum menyerahkan simpan penyata tahunan.

PENDAFTAR SYARIKAT

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

3 Disember 2018